

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2018/2019**

NAMA KURSUS : SOSIOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 30502
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBD/BBE/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2018/JANUARI 2019
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : I. JAWAB SEMUA SOALAN
II. KERTAS SOALANINI
HENDAKLAH DIKEMBALIKAN
BERSAMA KERTAS JAWAPAN
PADA AKHIR PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG TIGA BELAS (13) MUKA SURAT

TERBUKA

SULIT

BAHAGIAN A

S1. Apakah definisi proliteriat?

- A. Masyarakat yang memiliki punca-punca pengeluaran, pengagihan dan pertukaran.
 - B. Masyarakat yang tidak memiliki modal, sebaliknya hanya tenaga kerja sahaja.
 - C. Masyarakat yang mengutamakan kefahaman kebudayaan.
 - D. Masyarakat yang tidak memiliki pengaruh politik dan kuasa.

S2. Bagaimanakah kelas sosial wujud?

- A. Apabila segolongan individu tidak mempunyai kedudukan yang sama dari segi kuasa, politik, kekayaan, pendapatan, martabat, pekerjaan atau hubungan dengan punca-punca pengeluaran.
 - B. Apabila wujud proses perubahan individu atau kelompok sosial.
 - C. Apabila wujud ketidaksamaan pandangan dan pemikiran dalam kelompok sosial.
 - D. Apabila wujud masyarakat yang memahami masyarakat yang lain dari segi kuasa, pendapatan, pekerjaan dan martabat.

S3. Antara berikut, yang manakah tidak termasuk dalam kelas sosial yang dinyatakan oleh Max Weber?

- A. Aristokrat
 - B. Kolar biru
 - C. Separa profesional
 - D. Profesional

S4. Kementerian Pelajaran Malaysia telah membangunkan beberapa program dalam mengatasi ketaksamaan pendidikan masyarakat di Malaysia. Antara berikut, yang manakah bukan program yang telah dirancang?

- A. Rancangan Makanan Tambahan (RMT)
 - B. Elaun Bulanan Orang Kurang Upaya
 - C. Skim Baucer Tuisyen (SBT)
 - D. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

S5. Antara berikut, yang manakah merupakan kesan negatif mobiliti sosial antara kelompok sosial?


- A. Apabila berlaku demonstrasi buruh yang menuntut kenaikan upah menggambarkan konflik antara kelas buruh dengan pengusaha
 - B. Wujud pergaulan bebas yang pada masa ini banyak dilakukan generasi muda sangat bertentangan dengan nilai-nilai yang diamalkan oleh generasi terdahulu.
 - C. Berlakunya permusuhan antara kampung-kampung dalam mempertahankan norma dan nilai setempat.
 - D. Seorang anak miskin berusaha belajar dengan gigih agar dapat kekayaan pada masa depan.

SULIT

BBD 30502

- S6.** Antara berikut, yang manakah aspek yang mempengaruhi mobiliti sosial?
- A. Perbezaan kelas
 - B. Perubahan nama
 - C. Agama
 - D. Kemiskinan

S7



Rajah S7

Rajah S7 adalah susun lapis kelas sosial. Apakah x?

- A. Golongan atasan
 - B. Golongan pertengahan atasan
 - C. Golongan pertengahan bawah
 - D. Golongan bawahan
- S8.** Siapakah golongan pertengahan bawah?
- A. Pekerja beruniform, buruh binaan dan tukang paip.
 - B. Guru, kerani, pembantu tadbir dan polis.
 - C. Jurutera, pengurus syarikat dan doktor.
 - D. Petani, nelayan dan penjaja kecil.
- S9.** Antara berikut, yang manakah merupakan mobiliti antara generasi?
- A. Seorang ayah yang bekerja sebagai seoang kerani, telah dapat memberikan pendidikan kepada anaknya sehingga menjadi seorang doktor perubatan.
 - B. Seorang kerani yang telah bekerja selama 10 tahun dalam sektor kerajaan telah dilantik menjadi pegawai kewangan.
 - C. Seorang operator kilang telah dinaikkan pangkat menjadi penyelia bahagian kilang tersebut.
 - D. Seorang guru telah bertukar ke sebuah maktab perguruan sebagai seorang pensyarah namun tahap gaji adalah sama.
- S10.** Antara berikut, yang manakah faktor yang menghalang mobiliti sosial?
- A. Perubahan tingkah laku
 - B. Perubahan tempat tinggal
 - C. Agama
 - D. Perkahwinan

TERBUKA

S11. Antara faktor-faktor berikut, yang manakah merupakan faktor yang paling signifikan dalam mempengaruhi pencapaian pendidikan seseorang individu?

- A. Rakan sebaya
- B. Sosioekonomi
- C. Nilai
- D. Imej diri sendiri

S12. Antara berikut, yang manakah padanan yang salah?

| | | |
|----|----------------------------|--|
| A. | Mobiliti sosial horizontal | Perpindahan individu dari satu kedudukan sosial ke kedudukan sosial yang lain yang tidak setaraf atau sedarjat. |
| B. | Mobiliti vertikal ke atas | Pembentukan sesuatu kelompok baru memungkinkan individu meningkatkan status sosialnya untuk mengangkat diri menjadi ketua. |
| C. | Mobiliti vertikal ke bawah | Penurunan taraf sesuatu kelompok yang mengakibatkan status sosialnya menurun. |
| D. | Mobiliti antara generasi | Perkembangan taraf hidup naik atau turun dalam suatu generasi. |

S13. Antara berikut, yang manakah merupakan padanan yang tepat?

| | | |
|---|------------------------|--|
| A | Aspirasi sekolah | Kesan negatif adalah bergantung kepada persepsi, motivasi, aspirasi pelajar itu sendiri. |
| B | Rakan sebaya | Memberi kesan terhadap pencapaian dan aspirasi murid. |
| C | Orientasi peribadi | Tidak dapat berinteraksi sepenuhnya di dalam dunia pendidikan yang bercorak kelas pertengahan. |
| D | Peluang-peluang sosial | Menggunakan pekerjaan bapa untuk mengklasifikasi kelas sosial. |

**TERBUKA**

- S14.** Antara berikut, yang manakah merupakan ciri kelas pekerja?
- A. Tumpuan terhadap pendidikan anak-anak.
 - B. Mempunyai banyak masa untuk mendidik anak-anak di rumah.
 - C. Kolar biru yang mempunyai latar belakang pendidikan PMR sehingga SPM
 - D. Kurang berkemampuan kerana pendapatan mereka tidak tetap.

- S15.** Berdasarkan pernyataan berikut, siapakah golongan X?

Golongan X memiliki kelulusan sekolah menengah serta pemegang sijil dan diploma

- A. Golongan pertengahan bawahan
- B. Golongan pertengahan atasan
- C. Golongan pekerja
- D. Golongan bawahan

- S16.** Antara berikut, yang manakah bukan merupakan cadangan dalam Ordinan Pelajaran 1956?

- A. Memajukan sistem sekolah kebangsaan
- B. Mengadakan 3 bahasa sekolah vernakular
- C. Mengembangkan sekolah vokasional
- D. Menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

- S17.** Antara berikut, yang manakah bukan merupakan ahli sosiologi?

- A. John Dewey
- B. Herbert Spencer
- C. Alfred Adler
- D. Horace Mann

- S18.** Bagaimanakah mobiliti ditaja dalam corak mobiliti sosial?

- A. Jawatan dan gaji tidak berlaku perubahan.
- B. Suatu pertandingan dalam kalangan pelajar sebuah institusi untuk memperoleh pencapaian yang terbaik.
- C. Pihak tertentu memberikan biasiswa kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya.
- D. Seorang polis biasa dinaikkan pangkat menjadi inspektor.

TERBUKA

S19 Merujuk kepada pernyataan berikut, laporan manakah yang paling sesuai?

- Menubuhkan sekolah teknik rendah
- Bahasa Inggeris sebagai matapelajaran wajib
- Pendidikan dalam bahasa pengantar diberi secara percuma

- A. Laporan Cheeseman -1946
- B. Laporan Barnes- 1951
- C. Laporan Fenn-Wu -1952
- D. Laporan Rahman Talib - 1960

S20. Siapakah yang menjelaskan pernyataan berikut?

Menyatakan polisi ialah prihatin terhadap arahan, mengimplementasi sistem dan konsisten. Polisi juga prihatin dalam memberi fokus dari proses bagaimana ia dilakukan kepada dapatan atau hasil.

- A. Dewan Bahasa dan Pustaka (1997)
- B. Colebatch H.K (2002)
- C. Stephen Ward (2009)
- D. Paul Trowler (2003)

S21. Apakah definisi polisi pendidikan menurut Abdullah Sani (2003)?

- A. Menyatakan bahawa dasar atau polisi ialah bahagian terpenting, paling asas atau pokok. Dapat dikatakan dasar ialah asas bahagian terpenting dalam bidang pendidikan.
- B. Menyatakan polisi ialah mengambil berat terhadap arahan, melaksanakan sistem dan konsisten. Polisi juga mengambil berat dalam memberi fokus bermula dari proses ia dilakukan sehingga dapatan atau hasil diperoleh.
- C. Menyatakan polisi ialah garis panduan untuk mencapai hasrat pendidikan yang dimatlamatkan. Dapat dinyatakan bahawa polisi merupakan garis panduan dalam melaksanakan hasrat pendidikan yang hendak dijayakan.
- D. Menyatakan polisi pendidikan ialah spesifikasi prinsip atau tindakan yang berkait dengan isu-isu pendidikan yang wajib diikuti untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Oleh itu, polisi pendidikan adalah sangat penting bagi menghadapi isu-isu pendidikan di Malaysia agar lebih teratur .

- S22.** Apakah sumbangan utama Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid ?
- Pencetus idea penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji.
 - Mengasaskan peperiksaan awam menggantikan peperiksaan Cambridge.
 - Memperkenalkan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (LCE), Sijil Pelajaran Malaysia (MCE) dan Sijil Tinggi Persekolahan (HSC).
 - Mencadangkan sekolah agama rakyat diberikan bantuan.
- S23.** Apakah tujuan utama Laporan Barnes digubal?
- Untuk membuat satu laporan tentang kurikulum Sekolah Inggeris dan Vernakular.
 - Untuk mewajibkan matapelajaran Sains dan Bahasa Inggeris di semua sekolah vernakular.
 - Untuk menyiasat dan memperbaiki pendidikan Orang Melayu di Tanah Melayu.
 - Untuk membentuk semula sistem pendidikan di Malaysia.
- S24.** Apakah keburukan pengkopratan pendidikan awam kepada rakyat?
- Perubahan budaya kerja yang lebih unggul.
 - Dasar rasionalisasi akademik.
 - Kursus-kursus tiada nilai pasaran dipinggirkan.
 - Autonomi Kewangan.
- S25.** Penyataan berikut merupakan salah satu reformasi pendidikan yang berlaku di Malaysia. Laporan apakah yang sesuai untuk menggambarkan penyataan tersebut?


Merupakan cadangan pendidikan yang ditulis sebagai salah satu usaha bagi membentuk Persekutuan Tanah Melayu

- ❖ Semua sekolah di tanah air mempunyai sukaian yang sama
- ❖ Bahasa Melayu dijadikan bahasa Kebangsaan dan menjadi bahasa pengantar utama

- Laporan Barnes
- Laporan Fenn-Wu
- Ordinan Pelajaran
- Penyata Razak 1956

TERBUKA

- S26.** Rajah S26 menunjukkan sistem organisasi pentadbiran pendidikan di Sabah dan Sarawak. Apakah X?



Rajah S26

- A. Negeri
- B. Bahagian
- C. Daerah
- D. Sekolah

- S27.** Antara berikut, yang manakah merupakan padanan yang salah bagi aktiviti pengurusan pendidikan peringkat pusat?

| | | |
|---|---|--|
| A | Sistem Pentadbiran, Pemantauan & Penilaian | Penggubalan dasar pendidikan melalui Sistem Jawatankuasa. Pemantauan dan penilaian ke atas perlaksanaan dasar dan program pendidikan. |
| B | Kurikulum dan Pentaksiran | Penggubalan dasar bagi pembangunan pengurusan maklumat dan infrastruktur |
| C | Personal, Maklumat Penyelidikan & Pembangunan | Penggubalan dasar dan membuat perancangan makro |
| D | Kewangan dan Infrastruktur | Penggubalan dasar dan membuat perancangan makro bagi pembiayaan dan pengurusan kewangan pelbagai program pendidikan termasuk pembangunan infrastruktur |

TERBUKA

SULIT

BBD 30502

- S28. Bilakah pentadbiran berpusat dilaksanakan secara menyeluruh di Malaysia?

 - A. 1956
 - B. 1950
 - C. 1946
 - D. 1940

S29. Siapakah yang bertanggungjawab memberi nasihat dan menyelaraskan kerja pendidikan di negeri-negeri Melayu Bersekutu?

 - A. Pengarah Pendidikan
 - B. Menteri Pendidikan
 - C. Pengawai Pendidikan
 - D. Kakitangan pendidikan

S30. Mengapa aspek keperluan perpaduan negara dikawal selia oleh kerajaan pusat?

 - A. Supaya semua kaum dan kumpulan etnik dapat disatukan melalui satu dasar pendidikan negara
 - B. Supaya semua murid menggunakan satu bahasa, iaitu Bahasa Malaysia.
 - C. Supaya pentadbiran kewangan dapat dijalankan dengan licin dan kemas
 - D. Supaya kurikulum yang sama dan berorientasikan keperluan tempatan dapat diikuti oleh semua murid.

S31. Antara berikut, yang manakah merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dalam pengurusan sistem pendidikan di Malaysia?

 - I. Penggubalan dasar
 - II. Perancangan pembangunan
 - III. Pentadbiran peperiksaaan awam
 - IV. Perlantikan Guru Penolong Kanan
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I,II dan III
 - D. II, III dan IV

S32. Antara berikut, yang manakah fungsi-fungsi utama Pejabat Pendidikan Daerah?

 - I. Menyelia program-program pendidikan dalam negeri
 - II. Membimbing sekolah-sekolah supaya mengadakan suatu sistem pengurusan dan pentadbiran yang cekap
 - III. Menyusun kekanan guru-guru di semua kategori, penggredan sekolah dan analisis prestasi sekolah
 - IV. Menyelia proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah
 - A. I dan II.
 - B. I dan III.
 - C. II dan III.
 - D. II dan IV

TERBUKA

S33. Apakah definisi liberalisasi?

- I. Kelonggaran
 - II. Kebebasan
 - III. Persaingan
 - IV. Pembatasan
-
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I dan III
 - D. III dan IV

S34. Antara berikut, yang manakah merupakan jabatan di Kementerian Pelajaran Malaysia?

- I. Bahagian Pendidikan Guru
 - II. Bahagian Sekolah
 - III. Pusat Perkembangan Kurikulum
 - IV. Bahagian buku teks
-
- A. I dan II
 - B. II, III dan IV
 - C. I, II dan III
 - D. Semua di atas

S35. Antara berikut, yang manakah merupakan bentuk mobiliti menegak?

- I. Masuk ke dalam kedudukan yang lebih tinggi
 - II. Membentuk kelompok baru
 - III. Mobiliti *intergenerational*
 - IV. Mobiliti *intragenerational*
-
- A. I dan II
 - B. II dan IV
 - C. I, II, dan III
 - D. Semua di atas

S36. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor persekitaran yang mempengaruhi pencapaian pendidikan dari aspek imej diri sendiri?

- I. Dianggap sebagai beban masyarakat
 - II. Tidak mendapat perhatian masyarakat
 - III. Mempengaruhi penilaian tentang diri sendiri
 - IV. Mementingkan persahabatan yang rapat dan personel
-
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II dan III
 - D. II dan IV



TERBUKA

- S37. Apakah strategi-strategi untuk mewujudkan sekolah berkesan?

 - Berlaku dalam keadaan yang tidak formal
 - Kepimpinan sekolah berfokus kepada pengurusan kurikulum
 - Melibatkan sokongan dan penglibatan ibubapa
 - Menyalurkan budaya dan ilmu, kemahiran dan ketrampilan dalam sistem nilai

A. I dan II
B. II dan III
C. I dan III
D. II dan IV

S38. Sistem pendidikan di Malaysia berubah berdasarkan ideologi kebangsaan. Apakah ciri-ciri perubahan tersebut?

 - Berlaku dalam keadaan formal dan teratur
 - Pembinaan disiplin terhadap rakyat yang pelbagai kaum
 - Menyediakan rakyat yang mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap pegangan agama
 - Pendidikan untuk menyediakan tenaga kerja negara

A. I dan II
B. II dan III
C. I dan III
D. II dan IV

S39. Ahli sosiologi mempunyai peranan yang amat penting dalam perubahan polisi pendidikan bagi memacu kejayaan sesebuah negara. Antara berikut, yang manakah merupakan peranan-peranan ahli sosiologi dalam perubahan polisi pendidikan?

 - Menepati piawaian pendidikan negara
 - Penilaian kualiti
 - Mengembangkan ideologi negara
 - Mencadangkan cara pengajaran berkesan

A. I dan II
B. II dan III
C. I dan III
D. II dan IV

TERBUKA

S40. Bagaimanakah pengaruh-pengaruh pendekatan ahli sosiologi terhadap kemajuan pendidikan di Malaysia?

- I. Pendekatan sosiologi dapat diseragamkan dengan pendekatan pendidikan.
 - II. Pendekatan sosiologi membentuk pembelajaran turun temurun yang diwariskan.
 - III. Pendekatan sosiologi boleh membantu guru-guru menjalankan tugas dengan cekap bagi membantu perkembangan dan dasar-dasar negara.
 - IV. Pendekatan sosiologi membantu dalam memberikan pendidikan percuma kepada masyarakat.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I dan III
 - D. II dan IV



TERBUKA

BAHAGIAN B:

S41. Status sosio ekonomi (SSE) merangkumi aspek bilangan isi keluarga, pendapatan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa dan aspirasi sesebuah keluarga. Terhadap lima kelas sosial di dalam masyarakat iaitu golongan atasan, pertengahan atasan, kelas pertengahan bawah, kelas pekerja dan golongan bawahan. Berdasarkan pernyataan tersebut,

- a) bincangkan bagaimana status sosio ekonomi mempengaruhi pencapaian akademik pelajar? (10 markah)
- b) jelaskan langkah yang boleh diambil oleh institusi pendidikan bagi memberi peluang sama rata kepada pelajar yang berlainan kelas sosial untuk mencapai kecemerlangan akademik yang setanding. (10 markah)

S42. Reformasi pendidikan boleh dimaksudkan sebagai satu perubahan ke arah yang lebih baik daripada satu sistem pendidikan terdahulu yang kurang berkesan atau telah gagal. Perubahan ini dilakukan dari masa ke semasa sejak zaman sebelum merdeka sehingga kini.

- a) Bandingkan sistem pendidikan sebelum merdeka dan selepas merdeka. Perbandingan boleh diterangkan dari aspek jenis sekolah, tujuan sistem pendidikan, bahasa pengantar, kurikulum dan lain-lain aspek yang berkaitan.

(10 markah)

- b) Pada pendapat anda, bagaimanakah reformasi pendidikan dapat memberi manfaat kepada masyarakat?

(10 markah)

-SOALAN TAMAT-**TERBUKA**